

MAHATHIR-HARUN

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI ENGGAN MENGULAS KENYATAAN NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK HARUN IDRIS YANG MENGGAMBARAKAN BELIAU SEBAGAI +DIKTATOR+ OALAM SATU TEMURAMAH DENGAN SEBUAH MAJALAH ASING BARU-BARU INI :

+DIA (HARUN) BERHAK MEMBERI PENDAPATNYA. +PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO D SINI.

DALAM KELUARAN TERBARU MAJALAH ITU, DATUK HARUN DILAPORKAN SEBAGAI TELAH MENGGAMBARAKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SEORANG +DIKTATOR+ KERANA MEMBAWA ISU-ISU BESAR UNTUK DILULUSKAN TANPA BERUNDING TERLEBIH DAHULU DENGAN MAJLIS TERTINGGI UMNO.

MENURUT LAPORAN ITU, DATUK HARUN BERKATA BELIAU AKAN BERTANDING UNTUK JAWATAN TIBALAN PRESIDEN UMNO KERANA BELIAU TIDAK PUAS HATI DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN TIBALANNYA DATUK MUSA HITAM.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MUSTAFA JABBAR, YANG TURUT HADIR BERSAMA DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN KERASNYA MENAFIKAN TANGGAPAN DATUK HARUN SAMBIL BERKATA SEMUA ANGGOTA UMNO BEBAS UNTUK MENGELUARKAN PENDAPAT MEREKA. --LAGI 1820/PA

MAHATHIR-HARUN 2 KUALA LUMPUR

+DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO, KAMI BEBAS BERCAKAP. JIKA SESIAPA MENUDUH KAMI +PAK TURUT+ ITU TIDAK BENAR, +KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN +MENEGUR+ PARA PEMBERITA KERANA MENULIS +TERLALU BANYAK+ MENGENAI PEMILIHAN O A L A M UMNO SEHINGGA SETENGAH ORANG PERCAYA BAHAWA NEGARA SEDANG MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM D AN BUKAN PEMILIHAN PARTI.

+TERDAPAT SATU LAPORAN OALAM AKHBAR ASING YANG BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT BERTINDAK SEKARANG KERANA SATU PILIHANRAYA UMUM SEDANG BERJALAN DI MALAYSIA SEPERTI DI FILIPINA YANG JUGA MENGHADAPI PILIHANRAYA.+

MENGENAI KENYATAANNYA BARU-BARU INI BAHAWA RAMAI PEMIMPIN UMNO SIBUK DA L A M LOBI-MELOBI UNTUK JAWATAN SEHINGGA MEREKA MENGABAIKAN TUGAS, FERDANA MENTERI BERKATA KEADAANNYA TIDAK SEBURUK SEHINGGA BOLEH MENJEJASKAN KERAJAAN.

TETAPI BELIAU BERPENDAPAT BAHAWA JIKA SEMUA MENTERI KABINET MENUMPUKAN LEBIH MASA UNTUK BEKERJA BAGI KERAJAAN, SUDAH TENTU NEGARA AKAN MENDAPAT FAEDAH YANG LEBIH. -- BERNAMA 1829/PA